



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Anjing Liar Berkeliaran Cemar Imej Putrajaya' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 4 April 2011.

Untuk makluman, kerja-kerja kawalan anjing liar dijalankan secara berkala oleh pihak kontraktor yang telah dilantik dan diselia oleh kakitangan Unit Kesihatan, PPj. Terdapat beberapa kaedah yang digunapakai dalam kerja-kerja kawalan tersebut. Ini termasuklah kaedah tangkapan secara langsung, penggunaan perangkap dan umpan. Kebiasaannya, kawasan operasi yang lebih diberi tumpuan adalah di sekitar tempat-tempat kemudahan awam, kawasan perumahan dan di sekitar kawasan bersempadanan dengan daerah berhampiran khususnya kawasan belukar, hutan dan kawasan berbukit. Ini adalah kerana lokasi tersebut dipercayai menjadi habitat dan punca kehadiran anjing-anjing liar berkenaan.

Pihak PPj akan terus memantau dan menjalankan kerja-kerja kawalan tersebut mengikut perancangan dan jadual yang telah ditetapkan untuk memastikan kehadiran anjing liar di sekitar kawasan Putrajaya berada di tahap paling minima dan terkawal.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 13 April 2011

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Sentral
M/s : 1
Tarikh : 4 April 2011

Anjing liar berkeliaran cemar imej Putrajaya

Orang ramai tak selesa kunjungi tempat awam

Oleh Helmi Abdul Rahim
btnews@bharu.com.my

PUTRAJAYA: Masalah anjing liar yang jumlahnya semakin bertambah mula menghantui bandar raya pentadbiran ini.

Kumpulan anjing liar berkenaan dipercayai menghuni beberapa kawasan hutan dan ladang kelapa sawit di sekitar sini dan berkeliaran mencari makan hingga ke dalam Putrajaya.

Jika tidak dikawal pada peringkat awal, ia akan menjadi masalah yang sukar dibendung pada masa depan.

Selain beberapa kawasan pinggir Putrajaya, kumpulan anjing liar itu juga berkeliaran di padang permainan awam seperti padang ragbi Putrajaya di Presint 5 berhampiran.

Orang ramai yang menggunakan padang itu meminta pihak berkuasa mengambil tindakan, termasuk menembak anjing liar bagi mengelakkan ia membiak dan menjadi masalah kepada penghuni dalam jangka panjang.

Tinjauan *Sentral* baru-baru ini mendapati sekurang-kurangnya sekumpulan 10 anjing liar berada di sekitar padang ragbi itu.

Kawasan perkuburan di Presint 20 juga menjadi lokasi anjing 'bersantai.'

Pengunjung yang hanya mahu dikenali sebagai Ah-



ANJING liar dipercayai menghuni kawasan hutan dan ladang kelapa sawit kini berkeliaran mencari makan hingga ke Putrajaya.

mad, berkata kehadiran anjing liar itu menakutkan orang ramai, khususnya kanak-kanak untuk mengunjungi padang berkenaan.

"Anjing liar berkeliaran di Putrajaya sejak beberapa bulan lalu dan kawasan padang seolah-olah sarang mereka.

"Ia perlu dikawal kerana lama-kelamaan jumlahnya akan jadi banyak dan sukar dikawal," katanya.

Selain itu, beliau meminta Perbadanan Putrajaya (PPJ) perlu bertindak segera supaya haiwan itu tidak berkeliaran memasuki kawasan

perumahan, selain memberikan gambaran tidak elok kepada pusat pentadbiran kerajaan itu.

Khairul Amin Hamah, 29, berkata sukar menangkap anjing liar itu kerana jumlahnya yang semakin banyak dan mencadangkan Jabatan

“Buat masa ini mungkin anjing berkenaan tidak ganas tetapi siapa tahu keadaan boleh menjadi buruk jika ia terlalu lapar dan mungkin bertindak agresif ”

Khairul Amin Hamah
Penduduk

“Kehadiran anjing liar menakutkan orang ramai, khususnya kanak-kanak untuk mengunjungi padang permainan. Kawasan awam di Putrajaya seolah-olah menjadi sarang mereka”

Ahmad
Penduduk

Perkhidmatan Veterinar (JPV) menembak ubat pelali untuk menangkapnya.

"Buat masa ini mungkin anjing itu tidak ganas tetapi siapa tahu keadaan boleh menjadi buruk jika ia terlalu lapar atau mungkin bertindak agresif," katanya.